



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

LENGGONG DAN SARAWAK DELTA GEOPARK TERIMA GREEN CARD DARIPADA UNESCO GLOBAL GEOPARKS COUNCIL

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan Lenggong Geopark dan Sarawak Delta Geopark yang telah menerima status **Green Card (ACCEPTED)** daripada **Mesyuarat ke-10 UNESCO Global Geoparks Council yang berlangsung di Kütralkura UNESCO Global Geopark, Chile pada 5 dan 6 September 2025.**

Kedua-duanya telah diiktiraf bersama dengan tujuh (7) geopark lain daripada pelbagai negara. Keputusan ini seterusnya akan dibawa ke Lembaga Eksekutif UNESCO untuk pengesahan (*endorsement*) sebelum pengiktirafan rasmi sebagai UNESCO *Global Geopark* (UGGp) diberikan.

Dengan pengiktirafan ini, Malaysia bakal mempunyai UGGp yang ke-3 dan ke-4 selepas Langkawi dan Kinabalu. Pada masa ini, Malaysia turut mempunyai lapan (8) Geopark Kebangsaan yang sedang diperkasa sebagai calon berpotensi ke peringkat antarabangsa.

Pengiktirafan ini merupakan satu lagi pencapaian negara yang amat bermakna khususnya kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam usaha memelihara kelestarian alam semula jadi dan pengurusan mampan kawasan UGGp yang memiliki nilai kepentingan antarabangsa (*geosite of extraordinary values*) seiring dengan Agenda Pembangunan Negara dan Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (SDG's) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Di samping itu, pengiktirafan ini juga selari dengan agenda Kerajaan MADANI yang menekankan nilai **Kemampanan** melalui pemeliharaan alam sekitar, **Kesejahteraan** melalui manfaat ekonomi setempat, serta **Hormat** terhadap warisan budaya dan komuniti.

NRES ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Perak, Majlis Daerah Lenggong, Kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak (MUDeNR), Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM), agensi teknikal, universiti-universiti tempatan serta komuniti setempat atas kerjasama dan komitmen menjayakan pencapaian ini.

Dengan pengiktirafan ini, pihak pengurusan geopark diharap terus memperkukuh pembangunan mampan serta melaksanakan syor penambahbaikan dalam tempoh empat (4) tahun sebelum sesi penilaian semula (*revalidation*).

Kementerian amat mengalu-alukan sokongan berterusan daripada semua pihak dalam menjayakan agenda geopark negara, termasuk usaha mencalonkan geopark kebangsaan lain yang berpotensi untuk diangkat ke peringkat UNESCO pada masa hadapan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
9 SEPTEMBER 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

